

**NO. SOALAN : 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD**  
**HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]**  
**TARIKH : 2.8.2017 (RABU)**

**PR-1352-L02618**

**DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian dalam pengawalan dan penguatkuasaan terhadap caj-caj yang dikenakan di dalam industri berasaskan perkhidmatan.

**JAWAPAN****Tuan Yang Di-Pertua,**

Dalam sektor perkhidmatan caj-caj yang dikenakan agak subjektif namun Kementerian sedang menilai dan dikaji bagi melihat semua caj-caj berkaitan dengan industri perkhidmatan adalah lebih relevan kepada perkhidmatan yang diberikan. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan hanya menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Pendedahan Maklumat Bengkel) 2002 yang menghendaki pihak pengusaha bengkel menyenggara dan mempamerkan satu senarai semua perkhidmatan pembaikan yang disediakan. Perkhidmatan ini adalah suatu yang agak rumit untuk mengawal caj-caj yang dikenakan. Walau bagaimanapun, Peraturan ini sedang dikaji bagi mencari suatu kaedah supaya bengkel-bengkel yang dibangunkan perlu mendapat pelesenan terlebih dahulu.

## SOALAN (60)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 2 OGOS 2017  
[ RABU ]  
DARIPADA : YB. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
[ PENDANG ]

## SOALAN :-

**YB. Dato' Wira Othman Bin Abdul [ Pendang ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggalakkan pemaju untuk menanam pokok di bangunan tinggi seperti di Negara China.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah pun menggalakkan semua pihak termasuk pemaju untuk menanam pokok-pokok untuk meningkatkan kehijauan bandar. Bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai ruang penanaman atas tanah (*landed area*), pokok-pokok kecil boleh di tanam di taman atas bumbung (*rooftop garden*) yang dirancang dan direkabentuk dengan baik. Kementerian sedang dalam usaha menyediakan garis panduan khusus bagi penanaman pokok-pokok kecil di bangunan-bangunan tinggi. Perkara-perkara utama yang akan diberi fokus di dalam garis panduan ini adalah berkaitan dengan panduan teknikal dan prinsip-prinsip perancangan. Dengan usaha sebegini, ia akan dapat mewujudkan persekitaran yang hijau dan indah di samping menyediakan ruang riadah terutamanya kepada penghuni/pengunjung.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PENG [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 2 OGOS 2017 (RABU)**

**SOALAN : 61**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap kejadian yang melibatkan sebuah kapal terbang komersial A380 dengan sebuah jet peripadi Challenger 604 di Oman pada 7hb Januari 2017. Di dalam kejadian tersebut, jet Challenger 604 hilang kawalan dan hampir musnah akibat daripada "wake turbulence" yang terjana daripada A380. Perkara ini berlaku walaupun kedua- dua kapal terbang tersebut terbang mengikuti piawaian antarabangsa dalam mengekalkan 'minimum separation distance', iaitu ketinggian satu ribu kaki.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kejadian *wake turbulence* yang melibatkan sebuah kapal terbang komersil A380 dengan sebuah jet peribadi Challenger 604 di ruang udara Oman pada 7 Januari 2017 tidak melibatkan pesawat yang didaftarkan di Malaysia yang memerlukan sebarang tindakan lanjut.

Walau bagaimanapun, Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) sentiasa memastikan *standard operating procedure* (SOP) sedia ada mengikuti piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organisation* (ICAO) sentiasa dipatuhi oleh semua Pegawai Trafik Udara semasa menjalankan tugas harian.